

TARIKH	10 / 2 / 2014	SEKSYEN	UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT	7	RUANGAN	DALAM NEGERI

TH terus perkasakan ekonomi ummah

SEJAK ditubuhkan 50 tahun lalu, Tabung Haji (TH) sentiasa berusaha gigih untuk melaksanakan peranan utamanya sebagai sebuah entiti yang membantu dan menguruskan rakyat Malaysia beragama Islam menunaikan ibadah haji yang menjadi rukun Islam kelima.

Kehadirannya membolehkan semua pihak termasuk mereka yang kurang berkemampuan menunaikan fardu haji yang wajib sekali seumur hidup, dengan menyimpannya di TH sehingga sampai kepada jumlah yang secukupnya.

Bertemakan 'Hajia 'alai-Falah' (mari menuju kejayaan) iaitu penubuhan yang bermatlamat memberi kebaikan dunia dan akhirat untuk umat Islam di Malaysia, telah mencatat kejayaan yang besar, sekali gus menarik negara-negara asing untuk mententunya.

TH mengendalikannya simpanan pendeposit untuk menunaikan haji melalui pelaburan dana tersebut dan seterusnya memberikan pulangan yang kompetitif kepada mereka.

Sekiranya disoroti sejarah TH, sejak dahulu pihak pengurusan berjaya memberi bonus kepada para pendeposit pada kadar yang kompetitif, sekali gus umat Islam di negara ini boleh mengharapkan masa depan yang cemerlang hasil daripada pelaburan patuh syariah kendalian entiti berkenaan.

Hakikat ini jelas apabila kadar Bonus Tahunan TH adalah lebih tinggi berbanding kadar pulangan akaun deposit tetap perbankan Islam dan konvensional, lebih kurang tiga peratus.

Bagi tahun kewangan berakhir 2013, TH mencatatkan prestasi kewangan yang baik dengan meraih pendapatan berjumlah RM3.7 bilion bertambah sebanyak RM951



Juta satu 34 peratus daripada RM2.8 bilion bagi tahun 2012.

TH turut mencatatkan keuntungan bersih selepas zakat berjumlah RM2.6 bilion peningkatan 23 peratus berbanding RM2.1 bilion bagi tahun 2012.

Bagi tahun kewangan 2013, TH telah mengumumkan pemberian bonus sebanyak 6.0 peratus sebagai Bonus Tahunan dan tambahan Bonus Haji sebanyak 2.0 peratus daripada RM9,980 (bayaran haji semasa).

Pada masa ini, TH mempunyai 8.3 juta pendeposit yang mana 7.7 juta daripada mereka belum menunaikan haji. Sehubungan itu, pemberian Bonus Haji kepada 7.7 juta pendeposit yang belum menunaikan fardu haji sebenarnya wajar untuk membantu meningkatkan tabungan mereka serta usaha merealisasikan impian umat Islam untuk menunaikan ibadah tersebut.

Aktiviti ekonomi yang dilaksanakan oleh TH, adalah mewakili penglibatan umat Islam di Malaysia secara amnya.

Sesungguhnya kejayaan TH menawarkan pulangan yang baik kepada pendepositanya adalah berteraskan keupayaannya merangka pelbagai pelan perniagaan jangka panjang dan pendek bagi memastikan pendapatan yang berterusan.

Paling penting, umat Islam yang menyimpan di TH tidak perlu ragu-ragu dan bimbang kerana simpanan mereka ada-



lah bebas daripada unsur riba. Lebih dari itu, TH bukan sahaja membantu mereka meningkatkan tabungan, malahan membuat pelaburan agar umat Islam dapat bersama-sama aktif dalam arus kepesatan ekonomi negara.

Selain kejayaan di peringkat kewangan, TH diktiraf dalam usahanya mengendalikan urusan perjalanan haji jemaah dari Malaysia sehingga ke Tanah Suci secara lebih teratur dan pemberian subsidi haji dilakukan sebagai usaha menampung kos mengerjakan haji yang kian meningkat saban tahun.

Untuk memastikan umat Islam berpeluang menunaikan ibadah dengan sempur-

na TH juga melaksanakan Kursus Asas, Intensif dan Kursus Haji Perdana secara percuma agar jemaah haji mendapat ilmu yang mampu dimanfaatkan dan haji yang mabrur.

Keselesaan beribadah sememangnya menjadi keutamaan TH apabila turut membangunkan lima buah Kompleks Haji yang memberi kemudahan pendaftaran, check-in dan urusan penempatan, penyediaan perumahan di Tanah Suci yang selesai kepada jemaah haji dengan jarak tidak melebihi 1,000 meter, pengendalian pengangkutan dan pelbagai perkhidmatan untuk jemaah secara lebih sistematis.

Sesungguhnya rakyat Malaysia terutama yang beragama Islam semestinya menilai pulangan dari tabungan di TH tidak hanya daripada segi kewangan tetapi secara menyeluruh berdasarkan mamfaat, pencapaian dan kebijakan yang telah dicapai.

Oleh itu, umat Islam seharusnya bersyukur dan bangga dengan kejayaan TH yang berjaya membuktikan bahawa sebuah organisasi milik penuh umat Islam juga mampu bersaing dan cemerlang dalam pengurusan sehingga ke peringkat global

Rakyat Malaysia terutama yang beragama Islam semestinya bersyukur dengan kewujudan TH yang merupakan sebuah organisasi 100 peratus milik umat Islam yang amat unik dan satu-satunya di dunia



Fakta

- Diurus 100% orang Islam
- Memanipkan ekonomi Umat Islam dalam kewangan Islam, perdagangan, pelbagai perkhidmatan, minyak dan gas.
- Meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dan hartanah bernilai tinggi di Malaysia, United Kingdom dan Australia.
- Memiliki pajakan jangka panjang hotel, hotel penginapan di Mekah dan Madinah
- Kegiatan Simpanan, pelaburan TH adalah patuh syariah.
- Simpanan djamin kerajaan dan pulangan dikesualikan cukai
- Simpanan/Pengeluaran tanpa had

